

Dr Mahathir, Hadi bersatu demi Proklamasi Orang Melayu

PAS anggap program sebahagian agenda penyatuan ummah

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dua 'musuh lama' iaitu Tun Dr Mahathir Mohamad dan Presiden PAS, Tan Sri Abdul Hadi Awang kini bersatu atas platform - Proklamasi Orang Melayu yang diilhamkan oleh bekas Perdana Menteri itu.

Dalam satu pertemuan malam kelmarin, Abdul Hadi menyatakan sokongan dan menandatangani dokumen Proklamasi Orang Melayu disaksikan Dr Mahathir.


Dalam kenyataan menerusi media sosialnya, PAS berkata program itu adalah sebahagian rancangan besar agenda penyatuan ummah yang diusahakan parti itu.

"Pertemuan dua tokoh besar ini sebahagian 'grand design' agenda penyatuan ummah diusahakan PAS selama ini. Kita doakan agenda ini terus subur dan mekar dalam negara ini. Demi Ummah! menurut hantaran itu.

Abdul Hadi yang juga Ahli Parlimen Marang menyifatkan sokongan yang diberikannya sebagai kembali kepada prinsip asal perjuangan Islam.

"Ini kita balik kepada prinsip asal perjuangan Islam itu sendiri. Kalau kita baca al-Quran kita dapati Rasul memulakan perjuangan Islam walaupun untuk seluruh manusia - tonggakanya pada bangsa dan kaumnya.

"Kerana perjuangan memerlukan tonggak bangsa, baru ada kekuatan, kalau tidak ada kekuatan,



Abdul Hadi bersama Dr Mahathir, Takiyuddin dan Ahmad Samsuri ketika hadir untuk menandatangani Proklamasi Orang Melayu untuk agenda penyatuan ummah dan pemimpin Melayu Islam.

tan. Bukan kita fanatik kaum, tetapi itu asas," katanya.

Sejak awal pagi semalam, tersebar gambar tanpa keterangan pertemuan Abdul Hadi dan Dr Mahathir yang turut disertai beberapa pemimpin PAS dan sekretariat Proklamasi Orang Melayu.

Antara pemimpin PAS yang hadir adalah Naib Presiden, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar; Setiausaha Agung, Datuk Seri Takiyuddin Hasan dan Penolong Setiausaha Agung, Mohd Syahir Che Sulaiman.

Selain Dr Mahathir, turut kelihatan Pengerusi Sekretariat Proklamasi Orang Melayu, Datuk Marzuki Yahya dan Pengerusi Biro Mobilisasi sekretariat itu, Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan.

Bagaimanapun, Timbalan Presiden PAS, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man, berkata beliau tiada maklumat berhubung pertemuan Presiden PAS dengan Dr Mahathir.

Selain PAS, Proklamasi Orang Melayu turut mendapat sokongan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) dan beberapa pemimpin UMNO, parti yang menjadi sebahagian kerajaan Pusat.

Ketua Penerangan BERSATU, Datuk Razali Idris mengesahkan

selain beliau, Timbalan Presiden, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu dan Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi, Datuk Iskandar Dzulkarnain Abdul Khalid sudah menandatangani dokumen itu sebelum Aidilfitri.

Marzuki berkata, selain PAS dan BERSATU, ia turut disokong beberapa pemimpin UMNO dan NGO yang memperjuangkan hak orang Melayu.

Tanpa menyebut nama pemimpin UMNO berkenaan, katanya, sekretariat itu menyasarkan sejuta tandatangan orang Melayu dan menjangkakan lebih ramai pemimpin Melayu akan tampil menyokong usaha berkenaan.

"Ya saya mengesahkan kehadiran Abdul Hadi bersama Ahmad Samsuri, Takiyuddin dan Mohd Syahir (malam kelmarin).

"Sebelum ini ada pemimpin BERSATU turut memberikan menandatangani proklamasi ini, begitu juga beberapa pemimpin UMNO hadir dan menandatangani atas kapasiti peribadi," katanya kepada BH.

Difahamkan, Pengerusi Pertubuhan Muafakat Nasional (MN), Tan Sri Annuar Musa turut menandatangani proklamasi berkenaan, minggu lalu.

Bagaimanapun, beberapa peng-

analisis politik berpendapat perjuangan Dr Mahathir bersama PAS dan BERSATU itu hanya rancangan politik baharu pembangkang meraih sokongan untuk Pilihan Raya Negeri (PRN) akan datang.

Manifestasi kekecewaan

Penganalisis politik dari Universiti Malaya, Prof Madya Dr Awang Azman Awang Pawi, berkata pertemuan Abdul Hadi dan Dr Mahathir jelas menunjukkan ia bermotifkan politik, bukan penyatuan ummah seperti dicanang mereka.

Katanya, matlamat Sekretariat Proklamasi Orang Melayu yang mahu mengadakan himpunan terbesar orang Melayu itu bertujuan politik selepas mereka tewas dan gagal membentuk kerajaan.

"Jelas sekali perhimpunan Proklamasi Orang Melayu yang dirancang adalah manifestasi kekecewaan, bukannya bagi tujuan penyatuan seperti yang dicanangkan PAS dan kumpulan Dr Mahathir.

"Jika benar ia agenda satukan orang Melayu mengapa ia tidak dibuat sejak 20 tahun dulu ketika Dr Mahathir berkuasa dan menjadi Perdana Menteri... mengapa sekarang baru diadakan prokla-

masi ini.

"Begitu juga dengan PAS, mengapa ketika menjadi sebahagian kerajaan mereka tidak membuat proklamasi ini dan mengapa ketika ada ruang dan peluang, perkara ini tidak dilaksanakan.

"Jadi, saya melihat ini strategi politik meraih simpati pengundi Melayu bagi berhadapan PRN," katanya.

Penganalisis politik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Jamaie Hamil turut bersetuju pertemuan dua pemimpin besar itu menunjukkan mereka masih terus 'berpolitik' tanpa menghiraukan kestabilan politik dan keharmonian negara.

Bagi beliau, Proklamasi Orang Melayu adalah manifestasi kekecewaan mereka selepas gagal menjadi kerajaan.

"Sudah sangat jelas perjuangan Dr Mahathir melalui Parti Pejuang Tanahair (PEJUANG) ditolak Perikatan Nasional (PN) dan mengapa kini mereka membuat pakatan menandatangani Proklamasi Orang Melayu.

"Saya agak kecewa, jelas ini usaha untuk memecahkan orang Melayu Islam," katanya.

Penganalisis keselamatan dan politik dari Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr Noor Nirwandy Mat Noordin, berkata Dr Mahathir dan Abdul Hadi jelas menggunakan sentimen Melayu bagi menggugat kestabilan sosiopolitik negara.

"Seharusnya PAS dan kumpulan Dr Mahathir wujudkan perjuangan yang memberikan kepentingan kepada masyarakat bukan lagi bermain politik untuk kepentingan agenda parti mereka semata-mata.

"Saya melihat ini bukan usaha memberi nilai tambah kepada perjuangan Melayu-Islam tetapi mainan politik untuk meraih sokongan orang Melayu semata-mata," katanya.